

PEPERIKSAAN PRASPM 2014
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Ogos

1103/2(PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

SULIT

**SKEMA PEMARKAHAN KERTAS 2 (1103 / 2) BAHASA MELAYU SPM PERCUBAAN ZON B
2014**

MARKAH PENUH : 110 MARKAH

Soalan 1

Markah penuh 30 markah dibahagi kepada :

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira satu perkataan:
 - Nama khas
 - Perkataan berulang
 - Perkataan kata depan *di* dan *ke*
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak** perlu diperiksa

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup / kesimpulan											2
	Jumlah markah										20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20	9 – 10	-kesinambungan isi baik
	15 – 17	7 – 9	-struktur ayat/tatabahasa baik -kosa kata luas -tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 – 14	6 – 7	-kesinambungan isi masih baik
	8 – 11	4 – 6	-struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan -kosa kata masih memuaskan -tanda baca/ejaan juga Memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	-pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.

Nota:

- (i) Jika bahasa agak baik, tambah 1 markah lagi
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan langkah-langkah/panduan/teknik/usaha-usaha *melahirkan remaja berbudi bahasa di negara kita/ di Malaysia* - 2m

Petikan menerangkan langkah-langkah/panduan/teknik melahirkan remaja berbudi bahasa - 1m

Petikan menerangkan cara-cara melahirkan remaja berbudi bahasa - 0m

Isi Tersurat: (Cara melahirkan remaja berbudi bahasa)

1. remaja perlu dididik dan dibimbing agar membiasakan diri dengan bertutur dengan baik serta mempunyai kelakuan yang terpuji. -2m
2. sistem pendidikan harus mengutamakan nilai berbudi bahasa terutama dalam pendidikan moral dan agama -2m
3. Penerapan nilai budi bahasa dalam kehidupan juga dianggap amat penting dalam melahirkan modal insan remaja yang mempunyai kekuatan jati diri peribadi. -2m
4. pihak ibu bapa harus mendidik nilai baik ini daripada kecil - 2m
5. institusi masyarakat harus memainkan peranan mereka untuk menerapkan nilai-nilai mulia ini dalam kalangan remaja. -2m
6. ibu bapa dan guru-guru berganding bahu membentuk peribadi anak-anak remaja dengan amalan berbudi bahasa - 2m
7. Generasi remaja juga perlu digalakkan untuk mengamal dan menerapkan budi bahasa dan nilai-nilai murni sama ada dalam aspek *komunikasi /ucapan /pertuturan, panggilan/ perlakuan / pergaulan.*
(*ambil 2 daripada 6*) - 2m
8. remaja hari ini juga perlu juga didedahkan dengan nilai-nilai kepimpinan yang baik dan berbudi bahasa - 2m

Isi Tersirat: (*kekangan*)

1. Ibu bapa lebihkan kerjaya daripada pendidikan anak / sibuk mencari rezeki / buru kebendaan - 2m
2. Media massa menyiarkan budaya bertentangan dengan adat timur - 2m
3. Didikan agama yang kurang kepada ana-anak - 2m
4. Perkembangan sains dan teknologi / teknologi maklumat -2m
5. Kehidupan terlalu mementingkan diri sendiri - 2m

terima mana-mana isi yang bertepatan atau sesuai

Kesimpulan:

Kesimpulannya, pihak kerajaan harus lebih bersungguh-sungguh menerapkan amalan budi bahasa ini dalam kalangan masyarakat agar negara kita sentiasa aman/ perpaduan dapat dicapai – 2m

Soalan 2 [Pemahaman]

Markah penuh 35 dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) ; 9 markah

Nota:

- Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri
- Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap
- Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan betul, jangan beri markah penuh. Tolak 50% daripada markah yang diperuntukkan bagi soalan tersebut.
- Jawapan mestilah tepat mengikut konteks/isi yang cukup dan ayat yang gramatis
- Isi mestilah cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat yang gramatis
- Pastikan isi setara dengan jumlah peruntukan markah bagi setiap soalan.

Soalan 2(a) – Petikan Umum

(i) Pencetus/penggerak kemajuan negara -2m

Pencetus / penggerak pembangunan -1m

(ii) -golongan remaja bertindak liar di luar batas kesopanan -1m

-bergentayangan -1m

-hidup bergelumang dengan aktiviti jenayah -1m

-kegiatan-kegiatan tidak berakhlak -1m

(terima 3 daripada jawapan) [3 markah]

(iii) - kempen kesedaran akan perlunya budi bahasa dalam masyarakat melalui media – 1m

- menyiarkan drama / filem/ dokumentari/ iklan tentang budi bahasa -1 m

- melalui penyebaran maklumat budi bahasa dalam internet / alam maya -1m

- menulis rencana / bahana / tentang budi bahasa dalam media cetak seperti surat khabar/

Majalah - 1m

[4 markah]

*** jawapan mesti berkaitan peranan media massa sama ada cetak atau elektronik

(2b)- Petikan Drama

- (i) -Laut tempat Tuhan memberi rezeki / kehidupan – 1m
- laut tempat Tuhan kumpulkan hidupan air untuk manusia -1m
- laut bukan tanah perkuburan / laut tidak menyusahkan manusia – 1m
- laut sebagai kilang tempat Allah limpahkan rahmat-Nya – 1m
terima mana-mana 2 jawapan.[2 markah]
- (ii) -pekerjaan tersebut telah dilakukan sejak remaja, ia sudah sehati dengan jiwa mereka.- 1m
- golongan ini tiada kemahiran lain untuk bertukar bidang kerja-1m
- mereka yakin hidup dan mati telah ditentukan oleh Allah, jadi masalah tempat bekerja bukan menjadi halangan untuk terus mencari rezeki-1m
terima mana-mana pendapat yang sesuai –[3 markah]
- (iii) – Dalam petikan : Latar masyarakat nelayan yang hidup bergantung sepenuhnya kepada hasil laut - Contoh : suami Jimah yang bekerja sebagai nelayan dalam membesarkan mereka anak-beranak.(1 m(isi) + 1m(contoh))
- Keseluruhan petikan: latar masyarakat berdasarkan keseluruhan drama adalah masyarakat golongan terpelajar yang menjawat jawatan profesional seperti doktor, arkitek dan sebagainya.
-Contoh : Sani seorang doktor, Shahrul seorang akauntan manakala Sabri pula seorang arkitek
(1 m +1m) # terima mana-mana jawapan yang sesuai untuk latar keseluruhan petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik

- i. Maksud rangkai kata **tidak tahu dek untung**:
- tidak menghargai/tidak bersyukur/kelebihan yang dimiliki - 2 m
- ii. Kata-kata Tuan Puteri:
- Puterinya menyatakan ayahandanya tidak seperti orang tua lain yang semakin tua semakin berakal -1m
- Puterinya menyatakan ayahandanya ibarat cendawan, semakin tua semakin tidak berguna -1m
- Puterinya menyatakan penglihatan ayahandanya kabur dan pendengarannya sudah terjejas-1m
- iii. Tindakan Tuanku Nakhoda Tua: [3 markah]
WAJAR kerana
- jurumudi dianggap lelaki yang hebat kerana dialah yang menyelamatkan geliung itu-1m
- Tuanku Nakhoda Tua percaya akan jurumudi apabila melihat bukti keris jurumudi yang berlumuran darah-1m
- Jurumudi ialah orang pertama yang menemuinya dan mengaku menyelamatkan geliung itu-1m
- Anak seharusnya mengikut perintah ayahnya- 1m
- TNT perlu mengotakan janjinya- 1m

terima mana-mana 3 jawapan yang sesuai

TIDAK WAJAR kerana

- Tuanku Nakhoda Tua mengambil keputusan tanpa usul periksa kebenaran kata-kata jurumudi -1m
- Tuanku Nakhoda Tua langsung tidak menanyakan pendapat orang lain/puterinya dalam mengambil keputusan-1m
- Tuanku Nakhoda Tua terus mempercayai jurumudi hanya dengan bukti keris yang berlumuran darah-1m
- Tuan Puteri Dayang Seri Jawa tidak menyukai jurumudi.-1m
- Jurumudi seorang yang pengecut dan gemar mengambil kesempatan atas susah payah orang lain.-1 m

terima mana-mana 3 jawapan yang sesuai [3 markah]

Soalan (2d)- Gurindam

(i) Maksud:

- Jika kita hendak mencari guru/menimba ilmu, carilah guru yang benar-benar pakar dalam bidangnya agar kita mendapat manfaat.- 2m

(ii) Ciri-ciri sahabat;

- sentiasa berada di samping sahabatnya sama ada semasa susah atau senang-1m
- sentiasa berusaha menggembirakan sahabatnya yang berduka-1m
- menghulurkan bantuan dengan ikhlas-1m
- menyimpan rahsia sahabatnya-1m
- sentiasa memberi nasihat dan dorongan kepada sahabat yang menghadapi masalah-1m

[3 markah]

(iii) Persoalan ;

- Sahabat yang sejati **contoh** orang yang dapat membimbing kita ke jalan kebaikan - 1m (isi) + 1m (contoh)
- Guru yang baik **contoh** yang pakar dalam bidangnya dan dapat menyampaikan ilmu dengan baik.- 1m (isi) + 1m (contoh)
- Isteri yang baik **contoh** yang setia kepada suami semasa susah dan senang-1m (isi) +1m (contoh)
- Kawan yang sebenar-benarnya **contoh** kawan yang setiakawan-1m (isi) + 1m (contoh)

terima mana-mana 2 jawapan yang sesuai

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) ; 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

Nota:

- Markah diberikan kepada setiap ayat yang betul
- Penolakan markah dibuat kerana kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan
- Bagi bina ayat, perkataan yang diuji tidak boleh digunakan sebagai peribahasa dan nama khas seperti arahan soalan.
- Jika murid memberikan maksud kepada perkataan yang diuji, markah penuh hendaklah diberi.
- Ayat yang dibina mesti satu ayat jika lebih markah hendaklah ditolak
- Murid boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
- Isi mesti jelas. jika tidak markah dipotong
- Jika menambah atau mengubah imbuhan tiada markah diperuntukkan

Soalan 3 (a) [6 markah]

i. **Lalu**

- 1- berjalan ,melintas
- 2 -boleh masuk, telus, lulus
- 3 -yang sudah lepas (berlaku, lewat)
- 4 -berdaya, sanggup ,larat
- 5 -lewat, sudah lampau, tidak bleh ditebus kembali

ii. **Kesan**

- 1- tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu, bekas
- 2 -sesuatu yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan tindakan dll), kesudahan daripada sesuatu,efek
- 3 -pengaruh (pada pemikiran ,sikap ,watak) yang timbul akibat daripada menyaksikan sesuatu

iii. **Hangat**

- 1-panas api (bukan matahari)
- 2 -terlebih timbangan daripada biasa
- 3-meriah, seronok
- 4-tidak tenang atau tenteram, genting, tegang
- 5-masih baru lagi berlaku
- 6-berapi-api, penuh semangat

Soalan 3(b) [6markah]

- (i) Pada masa dahulu petani mengusahakan pertanian dengan menggunakan modal sendiri **kerana** tidak mendapat bantuan **serta/dan** bimbingan daripada mana-mana pihak.- 2m
- (ii) Petani menggunakan tulang empat kerat **dan** hasil tanaman mereka hanya untuk kegunaan sendiri.-2m
- (iii) Sekarang negara kita telah mencapai kemerdekaan **dan** sektor pertanian telah dimajukan oleh pihak kerajaan **supaya** kehidupan petani menjadi bertambah baik. -2m

Soalan 3 (c)

3c	Kesalahan	pembetulan
i	Kommitted	komited
	pendapatan	berpendapatan
ii	strateji	strategi
	perlaburan	pelaburan
iii	pehak	pihak
	perkerjaan	pekerjaan

[6 markah]

Soalan 3 (d)

3d	Kesalahan	pembetulan
i	Ramai para remaja	Ramai remaja/para remaja
	Pemerhatian	Memikirkan/melihat
ii	Semua rakyat	Rakyat
	berjenama	berkualiti
iii	tomato sos	Sos tomato
	Pengilangannya	penggunaannya

[6 markah]

Soalan 3(e) [6 markah]

- (i) Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama-2m
- (ii) Berapa tajam mata pedang, tajam lagi mata pena – 2m
- (iii) Jika ular menyusur akar, tiada akan hilang bisanya -2m

terima jawapan di atas sahaja

Soalan 4 : Novel

Soalan 4 [Novel]

Markah penuh 15 markah dibahagikan kepada 2 buah novel dari tingkatan 4 dan 5.

4 (a) : 7 markah

- Mesti berdasarkan kepada sebuah novel yang dipelajari
- Menulis dalam ayat yang lengkap
- Setiap jawapan mestilah dengan huraian yang lengkap
- Markah isi maksimum = 4 markah
- Markah bahasa maksimum = 3 markah
- Markah bahasa diberi secara impression iaitu:

Baik : 3 markah

Sederhana : 2 markah

Lemah : 1 markah

4 (b) : 8 markah

- Mesti berdasarkan novel yang dipelajari
- Menulis dalam ayat yang lengkap
- Setiap jawapan mestilah dengan huraian yang lengkap
- Markah isi maksimum = 6 markah
- Markah bahasa maksimum = 2 markah

a) Peristiwa menyayat hati

NOVEL	FAKTA / ISI (PERISTIWA)	CONTOH / HURAIAN
Melunas Rindu karya Hartini Hamzah	Peristiwa kehilangan orang tersayang	<ul style="list-style-type: none"> Peristiwa Mariana yang kehilangan bayinya iaitu Abdul Halim / Fuad selepas melahirkannya kerana bayinya dilarikan oleh keluarga bekas suaminya Robert Lim
	Peristiwa anak yang kehilangan kasih sayang ibu bapa sejak kecil	<ul style="list-style-type: none"> Peristiwa Fuad yang sejak kecil lagi hidup tanpa ibu bapa kandung. Ayahnya Robert Lim berketurunan Cina dan berkahwin dengan Mariana, berketurunan Melayu. Hidup Fuad penuh dengan liku kerana tidak mendapat kasih sayang daripada ibu dan bapanya. Dia cuma menumpang kasih sayang daripada bapa dan ibu saudaranya Patrik Lim dan Swee Lan. Selain itu, dia juga menumpang kasih sayang daripada keluarga angkatnya iaitu Pak Ismail dan Mak Salmah.
Kabus di Perbukitan Karya Mohamad Kholid Hamzah	Peristiwa watak disahkan menghidap penyakit kronik	<ul style="list-style-type: none"> Peristiwa Rahayu yang disahkan menghidap kanser dibawa melawat Faridah di hospital. Dia menangis sambil menggengam tangan kakaknya. Akibat berasa lemah kerana baru menjalani kemoterapi, Rahayu melertakkan kepalanya di tepi dada Faridah. Tiba-tiba suasana dikejutkan dengan raungan Faridah menyebut nama Rahayu. Pada masa yang sama Rahayu didapati meninggal dunia.
	Peristiwa kematian orang yang tersayang.	<ul style="list-style-type: none"> Peristiwa sedih yang dialami oleh Faridah selepas kematian adiknya Rahayu. Kematian Rahayu menyebabkan ibunya, Salmah diserang sakit jantung dan meninggal dunia. Seterusnya Ghazali, suaminya pula meninggal dunia kerana kemalangan jalan raya. Faridah hampir gila dengan tekanan hidup akibat kehilangan orang yang tersayang.

jawapan di atas sebagai panduan sahaja

terima mana-mana peristiwa yang bersesuaian serta huraiannya

Pembahagian markah soalan 4 (a)

	Fakta / Isi (peristiwa)	Contoh / huraian	Markah	
1	√	√	2	ISI = 4 BAHASA= 3
2	√	-	1	
3	-	√	0	
4	-	-	0	

b) latar masyarakat dua buah novel

NOVEL	FAKTA / ISI (LATAR)	CONTOH / HURAIAN
Melunas Rindu karya Hartini Hamzah	Masyarakat guru yang berdedikasi terhadap kerjayanya sebagai guru	<ul style="list-style-type: none"> Walaupun Fuad cuma menjawat jawatan guru sandaran, Fuad menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan dedikasi dan sanggup mengajar kelas tambahan bahasa Inggeris di SMK Seri Setia
	Masyarakat yang kahwin campur	<ul style="list-style-type: none"> Bapa Fuad , Robert Lim berbangsa Cina manakala ibunya, Mariana berbangsa Melayu
	Masyarakat yang tahu membalas jasa	<ul style="list-style-type: none"> Fuad membalas budi keluarga bapa saudaranya, Peter Lim yang telah membesarkannya selama ini dengan membiayai pengajian sepupu-sepupunya.
Kabus di Perbukitan Karya Mohamad Kholid Hamzah	Masyarakat pelajar universiti yang berwawasan	<ul style="list-style-type: none"> Azrul dan Rahayu memasang impian untuk bekerja sendiri apabila tamat pengajian mereka di Universiti Pertanian Malaysia
	Masyarakat Melayu yang berhijrah dan menetap di negara asing	<ul style="list-style-type: none"> Faridah yang pada mulanya berkursus di New Zealand terus menetap di sana apabila berkahwin dengan Soleh Johnsons dan dikurniakan sepasang cahaya mata kembar seiras.
	Masyarakat yang mengalami keruntuhan rumah tangga.	<ul style="list-style-type: none"> Kamarudin yang sudah berkeluarga telah mengadakan hubungan dengan Hamidah. Setelah berkahwin dengann Hamidah, Kamarudin berpisah dengan Salmah. Penceraian tersebut menyebabkan Rahayu berpisah dengan ibu dan kakak kembarnya.

terima latar masyarakat yang bertepatan dengan huraianannya

Calon mesti mengemukakan latar masyarakat daripada kedua-dua buah novel

Pembahagian markah soalan 4 (b)

	Fakta / Isi (latar masyarakat)	Contoh / huraian	Markah	ISI = 6 BAHASA = 2
1	√	√	2	
2	√	-	1	
3	-	√	0	
4	-	-	0	

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

SULIT